

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH  
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**SAMBUTAN HARI KEJASA KALI KE-13 DAN MAJLIS  
PENYAMPAIAN ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG AHLI-AHLI  
KEJASA**

**NON-RESIDENT HALL, TINGKAT 1, BLOK 8  
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA, BANGUNAN  
KOMPLEKS KERAJAAN, JALAN TUNKU ABDUL HALIM  
KUALA LUMPUR**

**26 MEI 2016 (KHAMIS)**

Terima kasih kepada saudara/ saudari Pengurus Majlis.

- a) **YBRS. PUAN ROZINA BINTI SHAIK OSMAN MERICAN**  
Pengarah Negeri, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
- b) **YBRS. ENCIK MD JAMIL BIN SAHRIF**  
Pengarah, Cawangan Siasatan Kuala Lumpur Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia;
- c) **YBRS. ENCIK MARZELAN BIN KAMARUDDIN**  
Pengarah Cawangan Tidak Bermastautin, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia;
- d) **YBRS. PUAN ROSNANI BIN ISMAIL**  
Pengarah Pusat Bayaran Kuala Lumpur, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia;
- e) **YBRS. ENCIK ASH'ARI BIN KOMENG**  
Presiden, Kesatuan Pekerja-Pekerja Perkhidmatan Sokongan LHDNM (KEJASA);

- f) Ahli-Ahli Majlis Tertinggi KEJASA, Ahli EXCO KEJASA, Ahli-ahli KEJASA; dan
- g) Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum W.B.T, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Terlebih dahulu, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat kita berkumpul pada pagi ini dalam **Majlis Sambutan Hari KEJASA Kali Ke-13 dan Majlis Penyampaian Anugerah Khidmat Cemerlang bagi Ahli-ahli KEJASA**.
2. Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak KEJASA LHDNM yang telah menjemput saya untuk merasmikan majlis pada hari ini. Syabas dan tahniah kepada KEJASA LHDNM kerana telah menganjurkan majlis ini dengan jayanya. Saya telah dimaklumkan bahawa Sambutan Hari KEJASA pada tahun ini diadakan bersempena dengan tahun ke-13 penubuhannya iaitu sejak Mei 2003 yang lalu. Tahniah sekali lagi saya ucapkan.

*Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,*

3. Kesatuan Pekerja amat besar peranannya dalam membentuk struktur hubungan dua hala antara pihak pengurusan dan juga pihak pekerja. Sehubungan dengan itu, satu hubungan yang sangat baik dan erat seharusnya wujud di antara 2 entiti ini, iaitu pekerja dan majikan.
4. Saya percaya untuk sebarang isu yang melibatkan pekerja dan majikan, ianya perlu diselesaikan secara musyawarah dan juga melalui budi bicara agar penyelesaian yang terbaik akan dapat dicapai serta berupaya untuk memberi impak yang positif dan situasi menang-menang kepada kedua-dua belah pihak. Perkara ini akan sentiasa memastikan golongan pekerja akan bergerak seiring dan sejalan serta sehati dan sejiwa dengan pihak majikan mereka.

5. Seperti semua sedia maklum, “**Pekerja Berkemahiran Penggerak Ekonomi**” telah diangkat sebagai tema untuk Hari Pekerja tahun 2016. Melalui lonjakan bilangan pekerja berkemahiran, saya percaya ianya

secara tidak langsung akan meletakkan Malaysia setanding dengan negara-negara maju di rantau ini seperti Republik Korea Selatan dan Republik Singapura. Perkara ini juga adalah seiring dengan matlamat ke arah menjadikan negara ini sebagai sebuah negara yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

*Para hadirin yang dihormati sekalian,*

6. Selain untuk meningkatkan kemahiran para pekerja, faktor integriti dalam diri juga tidak boleh dipandang enteng. Saya yakin dan percaya amalan integriti warga Hasilian kini berada pada tahap yang terbaik. Sebagai pemikul amanah dalam percuaiyan negara, sudah pastinya warga Hasilian diharapkan agar dapat memelihara kepentingan negara ini dan juga rakyat Malaysia. Tanpa integriti, semua yang kita lakukan tidak lagi bermakna dan pada pengakhirannya, kita akan sentiasa dipandang negatif oleh semua pihak dan seterusnya akan meruntuhkan apa yang telah diusahakan selama ini.

7. Saya percaya warga Hasillian adalah merupakan ejen transformasi percuaiyan yang utama dalam menggalas cabaran yang amat besar dewasa ini di antara rakyat Malaysia dengan pihak Kerajaan. Secara tidak langsung, warga Hasilian khususnya dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia amnya akan sentiasa menjadi perhatian dan dinilai oleh rakyat dalam merealisasikan aku janji sebagai pemungut cukai yang disegani di peringkat global.

*Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,*

8. Saya sentiasa menyokong inisiatif oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dalam menitikberatkan elemen ketelusan di kalangan warganya. Justeru, saya amat berharap program penerapan nilai-nilai murni di samping program peningkatan kemahiran warga Hasilian akan dapat dilaksanakan dengan lebih kerap pada masa hadapan dan ini sekali gus akan mempertingkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan oleh pihak Kerajaan.

9. Bagi mereka yang akan menerima Anugerah Khidmat Cemerlang pada hari ini, sekalung ucapan tahniah saya ucapkan. Teruskan khidmat

bakti tuan-tuan dan puan-puan demi kecemerlangan diri anda semua dan organisasi.

10. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih sekali lagi kepada pihak KEJASA LHDNM di atas jemputan ini. Dengan lafaz Bismillahirahmanirrahim, dengan ini saya merasmikan **Majlis Sambutan Hari KEJASA Kali Ke-13 dan Majlis Penyampaian Anugerah Khidmat Cemerlang Ahli-Ahli KEJASA** ini.

Wabillahitaufik      Walhidayah      Wassalamualaikum      Warahmatullahi  
Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.